TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

SEMPENA
NATIONAL REPRODUCTIVE HEALTH SYMPOSIUM 2026

LOKASI / TARIKH / MASA
THE EVERLY HOTEL PUTRAJAYA
29 SEPTEMBER 2026 (SELASA), 12.00 TENGAH HARI

Kemas kini 23 Sep 2026

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

***Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*,**

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia MADANI,

Terima kasih kepada pengacara majlis

<u>SALUTASI</u>

PENDAHULUAN DAN PENGHARGAAN

1. *Alhamdulillah*, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana kita dapat bersama-sama pada hari yang penuh bermakna ini bagi menjayakan "**National Reproductive Health Symposium 2026"**. Saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), khususnya Pusat Kepakaran Subfertiliti LPPKN, atas inisiatif menganjurkan simposium ini.

2. Penganjuran simposium ini dengan tema **"Reimagining Reproductive Health: Advancing Fertility, Strengthening Families, Sustaining the Nation"**, amat bertepatan ketika negara sedang berhadapan dengan perubahan landskap demografi, termasuk penurunan kadar kesuburan dan perubahan dalam corak pembentukan keluarga. Simposium pada hari ini juga sejajar dengan aspirasi Kerajaan yang melihat kesihatan reproduktif sebagai sebahagian daripada agenda jangka panjang untuk memperkukuh institusi keluarga dan kelangsungan pembangunan negara.

CABARAN KESUBURAN DAN DEMOGRAFI MALAYSIA

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Hari ini dunia berhadapan dengan perubahan besar dalam corak kesuburan. Menurut *World Population Prospects 2024* oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, **Kadar Kesuburan Jumlah** atau ***Total Fertility Rate (TFR)*** **global telah menurun dengan ketara, daripada 3.31 kelahiran bagi setiap wanita pada tahun 1990 kepada 2.25** pada masa kini. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pula menganggarkan bahawa **17.5%** atau sekitar **satu (1) daripada enam (6)** individu usia

reproduktif mengalami ketidaksuburan pada suatu ketika dalam kehidupan mereka.

4. Malaysia tidak terkecuali daripada gelombang perubahan ini. Menurut data dari Jabatan Perangkaan Malaysia, Kadar Kesuburan negara telah menunjukkan penurunan yang berterusan daripada **4.9 anak** bagi setiap wanita pada **tahun 1970** kepada **1.6 pada tahun 2024**. Antara faktor ialah disebabkan perubahan gaya hidup, tekanan ekonomi, kos sara hidup, perkahwinan pada usia lewat serta peningkatan penyertaan wanita dalam pendidikan dan kerjaya.

5. Selain itu, kajian WHO melibatkan **8,500 pasangan di 25 negara**, mendapati faktor lelaki menyumbang kepada kes ketidaksuburan ialah **45.1%**. Bagi Malaysia, data LPPKN menunjukkan bahawa faktor lelaki turut menyumbang sebahagian besar daripada kes ketidaksuburan. Dapatan ini membawa satu mesej yang amat jelas iaitu isu kesuburan perlu diberi perhatian secara bersama melalui pendekatan yang berasaskan pasangan atau ***couple-centred reproductive healthcare***. Lelaki dan wanita perlu sama-sama mendapat maklumat, saringan, kaunseling dan rawatan yang bersesuaian.

6. Lebih membimbangkan, Data Subfertiliti LPPKN bagi tahun 2024 menunjukkan bahawa **44.2%** pasangan hanya mendapatkan rawatan subfertiliti selepas menunggu lebih daripada lima tahun untuk kehamilan. Kelewatan sedemikian boleh mengehadkan pilihan rawatan dan peluang kejayaan, khususnya apabila usia reproduktif semakin meningkat. Justeru, kita menyeru slogan **"Lebih Awal, Lebih Baik"** kepada semua pasangan yang menghadapi masalah kesuburan. Lebih awal mendapatkan penilaian yang bersesuaian, lebih awal masalah kesuburan dikenal pasti, dirujuk dan dirawat.

KESIHATAN REPRODUKTIF SEBAGAI AGENDA KESIHATAN & KELUARGA

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melihat kesihatan reproduktif bukan sebagai agenda kesihatan semata-mata, tetapi sebagai sebahagian daripada agenda memperkukuhkan institusi keluarga dan pembangunan negara. LPPKN telah menyediakan perkhidmatan subfertiliti sejak tahun 1979 termasuk rawatan ***Intrauterine Insemination*** (atau **IUI**), ***In Vitro Fertilization*** (atau **IVF***)*, ***Intracytoplasmic Sperm Injection*** (atau **ICSI**), ***Frozen***

Embryo Transfer (atau **FET**) serta pelbagai teknologi reproduktif yang lain.

8. Pengalaman yang dibina selama 60 tahun ini merupakan satu aset negara yang amat bernilai. Namun, dalam landskap kesihatan reproduktif yang semakin kompleks, kita tidak boleh hanya bergantung kepada pengalaman masa lalu. Ilmu klinikal perlu berkembang seiring teknologi, dasar seiring keperluan masyarakat dan perkhidmatan seiring perubahan demografi negara.

9. Saya dimaklumkan bahawa simposium ini menghimpunkan sekitar **500 peserta**, merangkumi pakar klinikal, pegawai perubatan sektor awam dan swasta, ahli embriologi, pegawai sains, pegawai farmasi, pensyarah, penyelidik serta pemegang kepentingan yang berkaitan. Kepelbagaian ini merupakan kekuatan utama simposium kerana semua perbincangan berkaitan akan difahami oleh semua pihak berkaitan termasuk dari segi psikologi.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG) DAN INISIATIF LPPKN

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Selari dengan komitmen Malaysia terhadap Sustainable Development Goals 2030 (atau Sasaran Pembangunan Mampan), LPPKN terus memperkukuh usaha memperluaskan akses kepada perkhidmatan kesuburan melalui **Program Bantuan Rawatan Kesuburan** dan **Advokasi Infertiliti** (atau **BuAI**) yang diperkenalkan pada tahun 2025 dan diteruskan pada tahun 2026.

11. Program ini menggabungkan subsidi rawatan IUI kepada pasangan yang layak serta advokasi dan pendidikan kesihatan reproduktif melalui kempen **#LebihAwalLebihBaik**, termasuk kesedaran mengenai kesuburan lelaki serta kepentingan saringan dan intervensi awal.

PELANCARAN INFERTILITY COUNSELLING MODULE FOR PRIMARY CARE

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Pada hari yang istimewa ini, saya juga amat berbesar hati untuk menyempurnakan pelancaran ***Infertility Counselling Module for Primary Care***, satu inisiatif strategik dalam memperkukuhkan sistem penjagaan kesihatan reproduktif negara.

13. Dalam kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan strategik yang menyumbang kepakaran, pengalaman dan komitmen dalam pembangunan modul ini, khususnya **Merck Healthcare Malaysia**, **Kementerian Kesihatan Malaysia**, **Kementerian**

Pendidikan Tinggi, **Malaysian Medical Association**, **Malaysian Society for Assisted Reproductive Technology**, **Obstetrical and Gynaecological Society of Malaysia**, **Academy of Family Physicians of Malaysia serta Family Medicine Specialists' Association**.

14. Bagi saya, pembangunan modul ini amat signifikan kerana perjalanan rawatan kesuburan sebenarnya bermula lebih awal, di peringkat masyarakat, komuniti dan penjagaan kesihatan primer. Anggota klinikal merupakan pintu masuk

pertama kepada pasangan yang mempunyai kebimbangan mengenai kesuburan.

15. Modul ini diharapkan dapat memperkukuh keupayaan anggota kesihatan dalam memberikan kaunseling dan maklumat yang tepat, menyokong pengesanan awal, serta memperkemas proses rujukan kepada perkhidmatan yang bersesuaian. Oleh itu, saya berharap modul ini akan diguna pakai secara meluas dan menjadi sebahagian daripada pengukuhan ekosistem penjagaan kesuburan di negara kita.

WAY FORWARD: PEMBANGUNAN PUSAT SUBFERTILITI NEGARA

16. Kita perlu melihat simposium ini sebagai titik permulaan kepada tindakan yang lebih besar. Antara agenda penting yang menjadi matlamat kita ialah usaha memperkukuhkan perkhidmatan kesuburan dengan pembangunan **Pusat Subfertiliti Negara (PSN) di Shah Alam** yang bakal beroperasi pada tahun 2030. Pusat ini disasarkan menjadi pusat rujukan nasional dalam bidang kesuburan dan subfertiliti melalui penggabungan kepakaran klinikal, teknologi, dan penyelidikan kesihatan reproduktif negara.

HARAPAN

17. Harapan saya agar simposium ini tidak berakhir sebagai ruang perbincangan, tetapi diterjemahkan kepada tindakan yang nyata. Marilah kita bersama-sama memastikan pasangan mendapat penjagaan kesuburan yang lebih awal dan lebih berkualiti. Saya percaya, apabila kita menjaga kesihatan reproduktif rakyat, kita sebenarnya sedang menjaga masa depan keluarga dan masa depan negara.

PENUTUP

18. Akhir kata, dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan *National Reproductive Health Symposium 2026* dan seterusnya menyempurnakan **"Pelancaran Infertility Counselling Module for Primary Care"**.

    Sekian, *Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.